

Kolej Inti diiktiraf IPT United Kingdom

Oleh Zabidi Hitam

KOLEJ Inti Malaysia yang kampus induknya terletak di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan mendapat pengiktirafan berkala program 3+0, melalui kerjasama dua universiti di United Kingdom, baru-baru ini.

Universiti itu ialah University of Hertfordshire dan Coventry University yang pengesahannya dikeluarkan Agensi Kualiti Pendidikan Tinggi (QAA) selepas melawat kolej berkenaan, tahun lalu.

Agensi bebas itu membuat penyelidikan terperinci secara sistematik dan plawaian tertentu terhadap Kolej Inti sebelum memberi perakuan untuk kolej berkenaan menjalankan program 3+0 bersama kedua-dua universiti berkenaan.

QAA adalah organisasi dari United Kingdom yang bertindak memantau standard dan kualiti pendidikan tinggi. Pemantauan itu dilakukan bagi kemudahan masyarakat mendapat maklumat terhadap standard sesebuah pusat pengajian tinggi.

University of Hertfordshire adalah peneraju program Sarjana Muda dengan kepujian bagi Pentadbiran Perniagaan, Akauntan, Pemasaran dan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.

Sementara itu, Coventry University pula menumpukan program Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang Teknologi Maklumat Perniagaan, Sistem Komputer, Kejuruteraan Perisian, Sistem Komputer dan Rangkaian dan Rangkaian Komputer dan Multimedia.

Sebenarnya, Kolej Inti adalah antara institusi yang diberi kepercayaan kedua-dua universiti berkenaan sebagai kolej bersekutu mereka sekali gus membuktikan semua program, kemudahan dan infrastruktur di kolej itu mengikut standard institusi pengajian tinggi dunia.

Sehubungan itu, Presiden Kumpulan Kolej Inti Antarabangsa, Tan Yew Sing berkata, pengantugerahan itu adalah pencapaian membanggakan sekali gus memberi kesan terhadap perkembangan akademik dan pengurusan kolej.

Sementara itu, Naib Presiden Akademiknya, Dr Chia Swee Ping, berkata pengantugerahan itu adalah penghormatan kepada Kolej Inti di samping sokongan terhadap kualiti serta kursus ditawarkan.

Mengikut laporan lembaga pengarah QAA yang dikeluarkan April lalu, 2,312 pelajar menamatkan pengajian mereka dengan Coventry University melalui Kolej Inti Subang Jaya dan Kolej Inti di Nilai sejak 1997.

Kini, setelah 17 tahun terbabit dalam industri pendidikan, Kolej Inti mendapat pengiktirafan antarabangsa berikutan kualiti dan standard programnya.

Kolej Inti menjalankan pemasaran yang begitu rapi khususnya memperkenalkan program francais dengan beberapa institusi luar negara seperti Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan United Kingdom.

Lulusan Program Perniagaan Pentadbiran, Pemasaran dan Akaun di Kolej Inti mendapat pengiktirafan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) manakala lulusan akaun yang diperakukan Persa-

tuan Akauntan Bertauliah (ACCA) dan Institut Bertauliah Akauntan Pengurusan (CIMA) juga mendapat pengecualian.

Sebenarnya, Kolej Inti menawarkan banyak program 3+0 berbanding kolej swasta lain di negara ini. Ini untuk memberi peluang kepada pelajar memilih program sesuai dengan kelulusan mereka.

Sebagai contoh, pelajar yang lulus kelas pertama dan kedua dari University of Hertfordshire berpeluang mendapat skim bantuan kewangan bagi meneruskan program peringkat sarjana.

Kini, seramai 18 program ditawarkan Kolej Inti mendapat pengiktirafan LAN. Pelajar yang ingin mendapat maklumat lanjut boleh menghubungi Kolej Inti Malaysia melalui talian 06-7982000, Kolej Inti Subang Jaya (03-56343244), Kolej Inti Sarawak (082 575 777), Kolej Inti Sabah (088-765701) atau Kolej Inti Antarabangsa Pulau Pinang (04-6440138) atau lawat laman web (www.inti.edu.my).

Kemasukkan serpester akan datang pada 26 Disember ini.



KAMPUS Inti di Bandar Baru Nilai yang dibina dengan kos bernilai RM100 juta.